



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH
AGAMA INTEGRASI DI SELANGOR, MALAYSIA***

FARAH AZIANA BINTI ABDUL AZIZ

FPP 2020 44



**STRATEGI PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH AGAMA
INTEGRASI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

FARAH AZIANA BINTI ABDUL AZIZ

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

November 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**STRATEGI PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH AGAMA
INTEGRASI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

FARAH AZIANA BINTI ABDUL AZIZ

November 2019

Pengerusi : Fadzilah binti Abd Rahman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu intipati penting yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara setanding negara lain. Kebanyakan guru bahasa Melayu menghadapi masalah kekurangan strategi pengajaran KBAT dalam PdPc secara khusus. Sehubungan itu, kajian terhadap strategi penerapan KBAT perlu dilaksanakan agar jurang dalam kajian KBAT dapat ditangani segera. Kajian-kajian berkaitan KBAT sebelum ini banyak menggunakan kaedah kuantitatif berbanding kaedah kualitatif. Oleh itu, kajian ini memilih kaedah kualitatif untuk mengkaji strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor dengan melakukan pemerhatian langsung terhadap PdPc guru di dalam bilik darjah. Secara khusus kajian ini merangkumi tiga objektif utama, iaitu menghuraikan strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes, iaitu kes tentang strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi. Kajian ini memilih enam orang sampel kajian daripada tiga buah sekolah SRAI berlainan yang mengajar bahasa Melayu Tahun 5 yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Borang dan senarai semak pemerhatian digunakan bagi melihat strategi penerapan KBAT guru bahasa Melayu dalam PdP kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen pula digunakan bagi menyokong data pemerhatian yang diperoleh. Teori Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan Model Pengajaran Robert Glaser (1962) digunakan bagi menjawab setiap persoalan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur yang paling banyak berlaku kemudian diikuti kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Hasil kajian menunjukkan hampir keenam-enam peserta kajian menjalankan pengajaran KBAT bermula dengan penentuan objektif pengajaran, berdasarkan pengetahuan sedia ada murid, penggunaan

kaedah pengajaran KBAT yang sesuai dan penilaian terhadap PdPc yang dijalankan dengan baik. Penggunaan Model Pengajaran Robert Glaser menerapkan KBAT dalam pengajaran boleh dijadikan sumber panduan kepada semua warga pendidik untuk menjalankan pengajaran KBAT dengan berkesan sebagaimana yang dihasratkan oleh KPM.

Kata Kunci: kemahiran berfikir aras tinggi, strategi penerapan, kemahiran bahasa, teori taksonomi



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE STRATEGY OF IMPLEMENTATION HIGHER ORDER THINKING IN
MALAY LANGUAGE EDUCATORS' TEACHING AT SEKOLAH RENDAH
AGAMA INTEGRASI SELANGOR, MALAYSIA**

By

FARAH AZIANA BINTI ABDUL AZIZ

November 2019

Chairman : Fadzilah binti Abd Rahman, PhD
Faculty : Educational Studies

Higher Order Thinking (HOT) is one of the important essences which is highlighted in Malaysian Education Blueprint (MEB) 2013-2025 where the quality of country's education on par with other countries. Most of teachers who teach Bahasa are facing a shortage of HOT teaching strategies specifically in PdPc. Accordingly, a review on the implementation of HOT strategy needs to be undertaken so that the gaps in the HOT studies could be addressed promptly. Previous studies on HOT have used quantitative methods rather than qualitative methods. Therefore, this study chose qualitative method to study the strategy of HOT implementation in teaching Malay language at Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) in Selangor by using direct observation toward teacher's PdPc in the classroom. Specifically, this study covers three main objectives which are the elaboration of the implementation HOT's strategy in PdPc listening and speaking skill, reading skill and writing skill at Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor. Researcher used case study design which is the case on the implementation of HOT's strategy in teaching Malay Language. The sample of six have been selected in this study from three different SRAI schools that teach Malay Language for standard 5 which covers urban as well as rural areas. Form and observation check list used to observe the implementation of HOT strategies among Malay Language teachers in PdPc skills of listening and speaking, reading and writing. Semi-structured interviews and documents analyses were used to support the observational data obtained. Taksonomi Bloom's Theory of Review of Anderson and Krathwohl (2001) and Robert Glaser's Teaching Model (1962) were used to answer every question in this study. The findings show that the strategies of the implementation of HOT in PdPc listening and speaking skills occur commonly followed by reading skills and writing skills. The results show that almost of all of the six participants conducted HOT teachings starting with the determination of teaching objective based on the students existing knowledge, the used of the suitable HOT teaching methods and assessment of well-conducted PdPc. The application of Robert

Glaser Teaching Model implementing HOT in teaching can be the source of guidance for educators to use HOT teachings effectively as demanded by MOE.

Key words: higher order thinking skills, strategy implementation, language skills, taksonomi's theory



PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia tesis, iaitu Dr. Fadzilah Abd Rahman atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, semangat dan nasihat yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan kajian dan menyiapkan tesis ini. Segala pengorbanan dan dorongan beliau sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini akan diingati sepanjang hayat dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyelia, Dr. Shamsudin Othman yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan dalam saya menyiapkan tesis ini sehingga selesai. Segala jasa baik, pengorbanan masa dan ruang oleh setiap ahli kumpulan penyeliaan yang diberi amat saya hargai dan tanpa sokongan moral mereka sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini pasti saya tidak mampu menyiapkan tesis ini seorang diri.

Saya sangat berterima kasih kepada semua peserta kajian kerana sangat membantu sepanjang kajian dijalankan dan menyiapkan tesis ini. Tanpa kerjasama mereka, sudah tentu kajian ini tidak sempurna dan tidak lengkap. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Selangor yang memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat. Di samping itu, sekalung terima kasih kepada kedua ibu bapa dan adik beradik yang tidak putus-putus memberi sokongan moral, mental dan kewangan sepanjang pengajian pendidikan ke Ijazah Sarjana. Dorongan semangat dan kasih sayang yang diberikan selama ini sangat bermakna buat saya dalam meneruskan perjalanan pengajian ini setiap kali tersungkur dan menyerah dalam perjuangan ini. Semoga dengan sekalung Ijazah Sarjana yang akan diperoleh nanti dapat membalas segala pengorbanan mereka bersama-sama saya sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, pensyarah dan staf akademik Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang membantu sepanjang proses pengajian saya di fakulti ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan yang banyak membantu, memberi motivasi dan tunjuk ajar sepanjang perjalanan pengajian master ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ilmiah ini dengan sempurna.

Farah Aziana Binti Abdul Aziz,
Pengkalan Chepa, Kelantan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fadzilah binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Shamsudin bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Farah Aziana binti Abdul Aziz, GS49309

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Fadzilah binti Abd Rahman

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Shamsudin bin Othman

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1	
 1	PENDAHULUAN
1.1	Latar Belakang Kajian
1.1.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
1.1.2	Ciri Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
1.1.3	Peranan Guru Melaksanakan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan
1.1.4	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu
1.1.5	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
1.1.6	Prinsip 5P dalam Strategi Pengajaran Bahasa Melayu
1.1.7	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Bahasa
1.1.8	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
1.1.9	Sekolah Rendah Agama Integrasi
1.2	Pernyataan Masalah
1.3	Objektif Kajian
1.4	Persoalan Kajian
1.5	Batasan Kajian
1.6	Kepentingan Kajian
1.7	Definisi Konseptual dan Operasional
1.7.1	Strategi Prinsip 5P
1.7.2	Strategi Penerapan
1.7.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
1.7.4	Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)
1.7.5	Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi
1.7.6	Kemahiran Mendengar
1.7.7	Kemahiran Bertutur

	1.7.8	Kemahiran Membaca	13
	1.7.9	Kemahiran Menulis	14
1.8		Kesimpulan	14
2		SOROTAN LITERATUR	15
2.1		Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	15
2.2		Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	27
	2.2.1	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu	27
	2.2.2	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Mata Pelajaran Lain	28
2.3		Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	29
2.4		Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	30
2.5		Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Kemahiran Bahasa	33
	2.5.1	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur	34
	2.5.2	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Kemahiran Membaca	34
	2.5.3	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Kemahiran Menulis	36
2.6		Kerangka Kajian	37
	2.6.1	Aras Kognitif Pemikiran	37
		2.6.1.1 Edisi Taksonomi Bloom (1956)	37
		2.6.1.2 Edisi Anderson dan Krathwohl (2001)	38
	2.6.2	Model Pengajaran Robert Glasser (1962)	39
	2.6.3	Kerangka Konseptual Kajian	41
	2.6.4	Kerangka Teoritikal Kajian	42
2.7		Kesimpulan	43
3		METODOLOGI KAJIAN	44
3.1		Reka Bentuk Kajian	44
	3.1.1	Kajian Kes	44
3.2		Proses Kajian	45
3.3		Responden Kajian	46
	3.3.1	Peserta Kajian 1	47
	3.3.2	Peserta Kajian 2	48
	3.3.3	Peserta Kajian 3	48
	3.3.4	Peserta Kajian 4	48
	3.3.5	Peserta Kajian 5	49
	3.3.6	Peserta Kajian 6	49
3.4		Konteks Kajian dan Lokasi Kajian	49

3.5	Pensampelan Kajian	50
3.6	Teknik Pengumpulan Data	51
3.6.1	Kaedah Pemerhatian	51
3.6.1.1	Protokol Pemerhatian	52
3.6.2	Temu Bual	53
3.6.2.1	Protokol Temu Bual	53
3.6.3	Kaedah Analisis Dokumen	54
3.6.3.1	Protokol Analisis Dokumen	54
3.7	Kesahan dan Kebolehppercayaan	55
3.8	Kajian Rintis	55
3.9	Pengumpulan Data	56
3.10	Analisis Data	57
3.11	Kesimpulan	57
4	DAPATAN KAJIAN	58
4.1	Latar Belakang Kelas Peserta Kajian	58
4.2	Latar Belakang Pengajaran Peserta Kajian	59
4.3	Perbincangan Teori dan Model Pengajaran dalam Dapatan Kajian	61
4.4	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Bahasa Melayu dalam PdPc Kemahiran Mendengar dan Bertutur di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor	61
4.5	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Bahasa Melayu dalam PdPc Kemahiran Membaca di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor	76
4.6	Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Bahasa Melayu dalam PdPc Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor	86
4.7	Kesimpulan	106
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	107
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	107
5.1.1	Strategi Penerapan KBAT dalam PdPc Kemahiran Mendengar dan Bertutur	107
5.1.2	Strategi Penerapan KBAT dalam PdPc Kemahiran Membaca	108
5.1.3	Strategi Penerapan KBAT dalam PdPc Kemahiran Menulis	108
5.2	Perbincangan	108
5.3	Implikasi Kajian	111
5.3.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	111
5.3.2	Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan KBAT	112
5.3.3	Strategi Pengajaran bagi Menerapkan KBAT	112
5.4	Cadangan Kajian	113
5.4.1	Kursus Penerapan KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu Secara Khusus	113
5.4.2	Modul Pengajaran KBAT yang Lengkap	113

5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	114
5.5	Kesimpulan	114

RUJUKAN	115
LAMPIRAN	122
BIODATA PELAJAR	230
SENARAI PENERBITAN	231



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1	Kemahiran Berfikir yang Dicerap dalam Pengajaran Bahasa Melayu 26
2.2	Konsep KBAT 30
2.3	Tahap Operasi Kognitif Murid Mengikut Tahap Pemikiran 32
3.1	Profil Peserta Kajian 47
4.1	Maklumat Kelas yang Diperhatikan 59
4.2	Rumusan Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor 98
4.3	Strategi Penerapan KBAT dalam PdPc Kemahiran Bahasa 104
4.4	Strategi Penerapan KBAT yang Dilakukan oleh Peserta Kajian 105

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Strategi Prinsip 5P	4
2.1 Taksonomi Bloom 1956	37
2.2 Taksonomi Bloom (2001)	38
2.3 Model Pengajaran Robert Glaser (1962)	40
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	41
2.5 Kerangka Teoritikal Kajian	42
3.1 Kategori pemerhatian mengikut struktur	52

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A	Data Analisis Kajian 122
B	Contoh Bahan Edaran dalam Pdpc Bahasa Melayu 153
C	Contoh Rancangan Pengajaran Harian Guru Bahasa Melayu 162
D	Contoh Hasil Kerja Murid 165
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Jais 174
F	Protokol Kajian 175
G	Contoh Pengesahan Protokol Kajian 183
H	Contoh Protokol Pemerhatian 185
I	Soalan Temu Bual 191
J	Soalan Temu Bual Pengetahuan Sedia ada Murid 192
K	Contoh Akuan Persetujuan Peserta Kajian 193
L	Borang Demografi Guru 194
M	Contoh Transkripsi Pemerhatian 196
N	Contoh Transkripsi Temu Bual Latar Belakang 201
O	Contoh Transkripsi Temu Bual Sedia ada Murid 210
P	Akuan Pengesahan Transkripsi 219
Q	Jadual Lawatan Kajian 220
R	Rubrik Penilaian Aktiviti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor 221

SENARAI SINGKATAN

KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PISA	Programme for International Student Assessment
TIMSS	Trend in International Mathematics and Science Study
KBKK	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SRAI	Sekolah Rendah Agama Integrasi
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SBR	Sekolah Berprestasi Rendah
SBS	Sekolah Berprestasi Sederhana
PK	Peserta Kajian
LK	Lokasi Kajian
KAFA	Kelas Al- Quran dan Fardhu Ain
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan strategi penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) oleh guru bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penerapan KBAT dalam keempat-empat kemahiran bahasa membolehkan murid menguasai KBAT secara berkesan dan memerlukan guru merancang pelbagai strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berasaskan KBAT. Bab ini menghuraikan latar belakang, strategi penerapan KBAT dalam keempat-empat kemahiran bahasa dan pelaksanaannya di sekolah rendah, pernyataan masalah, objektif, persoalan, batasan dan definisi operasi dalam pengajaran guru bahasa Melayu. Berdasarkan pernyataan masalah, objektif kajian dibina dan persoalan kajian dibentuk. Kepentingan menjalankan kajian strategi penerapan KBAT dalam keempat-empat kemahiran bahasa dan definisi operasi dihuraikan secara terperinci.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) merupakan sebahagian manifestasi pendidikan yang mementingkan kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir merupakan teras pembelajaran yang melibatkan proses mental atau pencetus idea dalam sesuatu PdPc (Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah, 2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjelaskan kemahiran berfikir merupakan satu keperluan murid untuk setanding dan berdaya saing di peringkat global. Sekiranya kemahiran berfikir diperhebatkan di dalam bilik darjah, ia berupaya menjadi aset kecemerlangan dalam pencapaian murid (Nooriza Kassim & Effandi Zakaria, 2015).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan pelan pendidikan jangka panjang dalam tempoh 13 tahun bertujuan memantapkan kualiti pendidikan negara secara menyeluruh. Menerusi PPPM, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat meletakkan Malaysia sepertiga tertinggi pentaksiran antarabangsa dalam tempoh 15 tahun. Semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak terutamanya guru-guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam PdPc kemahiran berfikir selaras dengan keperluan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Nawi Ismail, 2014).

1.1.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan tuntutan dalam perkembangan pendidikan Malaysia mengikut trend masa kini bagi melahirkan generasi berfikir pada aras tinggi. Pelaksanaan KBAT di Malaysia didorong oleh desakan kemerosotan pencapaian Malaysia dalam ujian peringkat global seperti PISA dan TIMSS kesan

daripada kelemahan pelajar yang kebanyakannya menguasai tahap pemikiran memahami dan mengingat sahaja. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan rentetan usaha kerajaan melahirkan generasi berfikir di luar kotak setelah Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dilaksanakan. Kemahiran berfikir ditekankan dalam kurikulum Malaysia sejak tahun 1994 lagi dan penekanan terhadap KBAT dilakukan setelah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 diperkenalkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Berdasarkan Semakan Taksonomi Bloom pada tahun 2001, KBAT merujuk empat tahap pemikiran teratas, iaitu aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta manakala KBAR merangkumi aras pemikiran memahami dan mengingat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014; Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017). KBAT membolehkan seseorang berfikir secara kritis dan inovatif, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dalam aktiviti rutin dan bukan rutin, memahami, menganalisis dan memanipulasikan sesuatu maklumat secara terperinci berbeza dengan KBAR yang melibatkan aktiviti rutin sahaja (Nawi Ismail, 2014)¹.

Di Malaysia, KBAT ditekankan pada empat aras pemikiran teratas, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014; Sivapakkiam Ramasamy, 2017). Strategi penerapan KBAT guru bahasa Melayu dilihat pada empat aras pemikiran tinggi dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis murid sekolah rendah secara khusus.

1.1.2 Ciri Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melibatkan skop besar dan luas. Pengetahuan asas yang diperoleh melalui bacaan, pengalaman, pembelajaran dan sebagainya boleh dijadikan sebagai sempadan alat merangsang murid berfikir di luar kotak ataupun di peringkat lebih tinggi dalam menyelesaikan masalah rumit atau mencabar (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Terdapat lima ciri KBAT digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), salah satunya ialah menggunakan situasi sebenar dalam kehidupan seharian murid, iaitu mencabar murid menyelesaikan suatu masalah kehidupan sebenar dengan menggunakan pembelajaran daripada pelbagai disiplin. Kedua, KBAT tidak menggunakan item berulang, iaitu menggunakan item berbeza setiap tahun dan bahan melangkaui bahan buku teks, buku kerja, buku latihan dan lain-lain. Menggunakan stimulus secara ekstensif untuk menjana kemahiran inferens dan penaakulan kritikal, iaitu memberi maklumat secukupnya kepada murid untuk menjana idea. KBAT juga menguji pelbagai tahap pemikiran kognitif murid, iaitu mengundang pelbagai bentuk tindak balas murid. KBAT menggunakan konteks baharu yang bukan lazim, iaitu menggunakan situasi di luar bilik darjah, menggalakkan murid berfikir lebih mendalam melangkaui mengingat semula apa yang dipelajari. Dalam kajian ini, guru bahasa Melayu menerapkan kelima-lima ciri tersebut pada aras pemikiran mengaplikasi,

menganalisis, menilai dan mencipta ke dalam ketiga-tiga PdPc kemahiran bahasa secara berkesan dan bermakna.

1.1.3 Peranan Guru Melaksanakan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan

Dalam membentuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) KBAT berkesan, guru berperanan mewujudkan aktiviti pengajaran serta suasana pembelajaran menjurus pembentukan pemikiran aras tinggi murid agar berupaya melahirkan murid berfikir kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Mempelbagaikan soalan KBAT bagi menggalakkan persekitaran pembelajaran berpusatkan murid, mempelbagaikan penggunaan bahan, menggalakkan murid memberi pandangan, membuat keputusan dan menggalakkan murid menyelesaikan masalah dalam situasi sebenar juga antara peranan guru yang perlu ditekankan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Guru perlu menguasai dan memahami KBAT secara keseluruhan terlebih dahulu dengan membuat pelbagai rujukan sebelum menerapkan KBAT dalam proses PdPc murid (Yahya Othman, 2014). Dalam PdPc KBAT, guru sebagai pemudah cara menyediakan aktiviti menguji tahap minda, merancang pelbagai strategi dan teknik pengajaran, menyesuaikan soalan berdasarkan tahap pemikiran, memberi ruang menyuarakan pandangan dan pendapat, menggalakkan aktiviti sumbang saran dan mendorong murid meneroka pembelajaran secara terancang mahupun berstruktur (Buletin Anjakan, 2015; Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017).

1.1.4 Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu


Pelaksanaan penerapan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah lama diperkenalkan namun tidak diberi penekanan sewajarnya kerana terdapat segelintir guru tidak menerapkan KBAT dalam pengajaran mereka (Awangku Yusran Pengiran Yussof, 2013). Hal ini disokong dengan kajian Nasymah Ismail & Zamri Mahamod (2016), menjelaskan penerapan KBAT masih kurang memberangsangkan berikutan kelemahan guru menerapkan soalan aras tinggi dalam proses PdPc bagi menguji tahap kemahiran berfikir murid.

Guru sepatutnya didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diajar dengan kemahiran berfikir sepatutnya. Hal ini disokong oleh Nasymah Ismail & Zamri Mahamod (2016), menyatakan guru yang mempunyai kemahiran mantap dalam bidang pengajaran akan melaksanakan proses pengajaran lebih berkesan. Oleh itu, kajian ini memfokuskan strategi penerapan KBAT guru bahasa Melayu dalam PdPc ketiga-tiga kemahiran bahasa dengan lebih berkesan. Penerapan KBAT secara menyeluruh dalam kemahiran bahasa dapat membantu para guru merancang dan menjana idea dalam melaksanakan pengajaran KBAT dengan lancar.

1.1.5 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) penting bagi melancarkan proses pengajaran agar lebih bermakna dan teratur. Strategi PdP bukan sahaja dilihat dari sudut kebijaksanaan merancang, mengatur kaedah, teknik dalam PdPc malah merangkumi pemilihan pendekatan atau teknik berdasarkan objektif pembelajaran, penggunaan bahan pelajaran mengikut keperluan, kesesuaian setiap kaedah, teknik mengajar, pendekatan dan strategi sesuai (Nur Aida Muhammad, 2016).

Terdapat lima strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa ditekankan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (2016), iaitu strategi berdasarkan Prinsip 5P, pendekatan berpusatkan murid, pendekatan tematik, kepelbagaian kaedah dan teknik dan kepelbagaian sumber bahan. Rajah 1 di bawah menunjukkan strategi prinsip 5P merangkumi strategi penggabungjalinan, penerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan. Walau bagaimanapun, daripada lima strategi PdP dalam DSKP Bahasa Melayu (2016), penerapan KBAT sesuai dilakukan di bawah prinsip 5P, iaitu strategi penerapan.



Rajah 1.1 : Strategi Prinsip 5P
(Sumber: DSKP Bahasa Melayu, 2016)
Muka Surat: 15-22

Strategi penerapan prinsip 5P dipilih kerana berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Penaksiran (2016), kemahiran berfikir merupakan salah satu nilai tambah yang diserap dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang membolehkan murid menguasai kemahiran bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa. Oleh itu, strategi penerapan sesuai digunakan dalam kajian ini bagi melihat strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran bahasa guru bahasa Melayu.

1.1.6 Prinsip 5P dalam Strategi Pengajaran Bahasa Melayu

Bagi mencapai matlamat KSSR yang menginginkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi, strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan prinsip 5P perlu dititikberatkan, iaitu penggabungan, penerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Penggabungan merujuk kepada proses menggabungkan beberapa kemahiran dalam PdPc yang membolehkan murid menguasai beberapa kemahiran serentak dalam sesuatu masa. Penerapan merujuk kepada penerapan sebarang unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah yang diserap dalam proses PdPc. Manakala, penilaian didefinisikan sebagai sesuatu aktiviti mendapatkan maklumat bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif dalam PdPc dan pemulihan didefinisikan sebagai penyediaan program pemulihan bagi membantu murid yang belum menguasai kemahiran asas dalam tempoh yang ditetapkan. Akhir sekali, pengayaan merujuk kepada penyediaan program bagi memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid dalam menguasai kemahiran asas dalam jangka masa ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditetapkan.

Penerapan merangkumi pelbagai ilmu dan disiplin daripada pelbagai mata pelajaran lain, nilai murni serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran lain (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Penerapan kemahiran berfikir dalam kemahiran bahasa merujuk kepada penerapan KBAT dalam kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Berdasarkan kajian ini, strategi penerapan dilihat sesuai diaplikasikan dalam kajian KBAT. Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang strategi penerapan KBAT guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis sebagaimana ditekankan dalam KSSR.

1.1.7 Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Bahasa

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kemahiran bahasa merujuk kepada penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2016) dan Tuan Jah Tuan Yusof (2014), kemahiran bahasa telah dipecahkan kepada tiga modular, iaitu Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Modul Kemahiran Membaca dan Modul Kemahiran Menulis agar kemahiran bahasa dapat dikuasai dengan cekap. Di peringkat sekolah rendah, pembelajaran Bahasa Melayu lebih tertumpu pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Pada tahap I, murid sekolah rendah dikehendaki menguasai semua kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Manakala, pada tahap II, murid sekolah rendah perlu memberi penekanan kepada pengukuhan dan aplikasi terhadap keempat-empat kemahiran bahasa tersebut.

Kajian berkaitan pengajaran KBAT dalam kemahiran bahasa secara umumnya telah banyak dilaksanakan. Namun, konteks kajian terdahulu berbeza dengan kajian ini kerana pengkaji akan meneroka penerapan KBAT pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam ketiga-tiga PdPc kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kajian-kajian terdahulu menjelaskan secara umum tentang penerapan KBAT dalam keempat-empat kemahiran bahasa dan dalam satu-satu kemahiran bahasa sahaja. Misalnya, kajian Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah (2017) berkaitan penerapan KBAT secara umum dalam keempat-empat kemahiran bahasa, Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011) PdPc kemahiran mendengar dan bertutur, Yahya Othman & Dayang Raini Pakar (2013) PdPc kemahiran membaca dan Abdul Rasid Jamiam *et al.* (2016) PdPc kemahiran menulis.

1.1.8 Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru merupakan inti pati penting membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan KBAT murid. Penguasaan KBAT melibatkan jangka masa yang panjang untuk dikuasai berbanding dengan penguasaan kemahiran atau ilmu dalam mata pelajaran yang boleh dikuasai melalui pengalaman strategi penerapan KBAT bersesuaian dalam PdPc (Ab Halid Zakaria & Jamaludin Badusah, 2014). Justeru, penerapan KBAT dilatih sejak awal, iaitu pendidikan rendah lagi bagi memudahkan proses penerimaan di peringkat lebih tinggi serta dapat meminimumkan kekeliruan murid terhadap penerapan KBAT dalam PdPc (Aini Yuzie Mohd Arshad, 2016). Strategi penerapan KBAT dapat berjalan lancar sekiranya guru mempunyai pengetahuan luas tentang KBAT dan faham cara menerapkan KBAT dalam subjek yang diajar (Shamsuddin Muhammad & Ruzlan Md. Ali, 2016). Justeru, kajian ini memfokuskan kepada strategi penerapan KBAT khusus dalam pengajaran kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

1.1.9 Sekolah Rendah Agama Integrasi

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) ditubuhkan pada tahun 2000 menerusi projek rintis sepuluh buah sekolah yang terlibat. SRAI dibentuk berdasarkan hasrat kerajaan negeri Selangor meningkatkan kualiti Pendidikan Islam berdasarkan resolusi Tonggak ke sepuluh YAB Menteri Besar Selangor dalam kalangan murid sekolah rendah (Mohamad Syukri *et al.*, 2017). SRAI adalah sebuah institusi pendidikan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor. Sejak diperkenalkan sehingga tahun 2010, 11 buah SRAI telah ditubuhkan di lapan buah daerah. Kurikulum SRAI adalah gabungan daripada Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) di bawah JAIS. SRAI mempunyai dua sesi persekolahan, iaitu menggabungkan kurikulum standard sekolah kebangsaan dan kurikulum agama (Ikhsan Othman, 2016). Tambahan pula, Mohamad Syukri *et al.*, (2017) menjelaskan bahawa sistem SRAI telah banyak melahirkan pelajar yang berjaya menyambung pengajian di peringkat menengah. Justeru, kajian ini memfokuskan strategi penerapan KBAT di SRAI Selangor memandangkan ia

setanding dengan Sekolah Kebangsaan yang sama penting dalam sistem pendidikan Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KBAT telah diberi penekanan melahirkan murid berdaya saing menjelang abad ke-21. Namun begitu, terdapat beberapa isu yang timbul, salah satunya kekurangan kajian atau pengkajian dilakukan berkaitan strategi penerapan KBAT dalam kalangan guru secara terperinci (Avargil *et al.*, 2012; Shamilati Che Seman *et al.*, 2017; Wan Nor Shairah & Norazah, 2017).

Kajian terdahulu kurang menjelaskan secara terperinci strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mahupun mata pelajaran lain di peringkat sekolah rendah. Hal ini disokong oleh kajian Siti Zaleha Mohd Nor (2015), menyatakan guru bahasa Melayu mengalami kesukaran menjalankan pengajaran berdasarkan strategi prinsip 5P kerana kurang didedahkan dengan pelaksanaan strategi penerapan prinsip 5P dalam pengajaran. Kajian terdahulu banyak menyentuh penerapan KBAT secara umum seperti kajian oleh Hasnah Ison & Jamaludin Badusah (2017) dalam PdPc Bahasa Melayu, Shamsuddin Muhammad & Ruzlan Md. Ali (2016) Matematik, Nurul *et al.*, (2017) Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), Wan Amirah Wan Ismail *et al.*, (2016) Pendidikan Islam, Muniandy (2015) Kimia dan Noor Haniza & Effandi Zakaria (2017) Sains. Oleh itu, perlunya satu kajian menjurus kepada strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu secara khusus pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dilakukan.

Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu melihat konsep KBAT pada tiga aras pemikiran tinggi, iaitu menganalisis, menilai dan mencipta. Misalnya, kajian oleh Zamri & Nor Razah (2011), Nooriza Kassim & Effandi Zakaria (2015) dan Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin (2017) yang melihat KBAT pada tiga aras pemikiran tertinggi. Namun, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013 menjelaskan bahawa KBAT di Malaysia terdiri daripada empat aras pemikiran tertinggi, iaitu pada aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Oleh itu, kajian tentang strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu di SRAI perlu dilihat pada empat aras pemikiran tertinggi.

Seterusnya, kajian terdahulu berkaitan KBAT di sekolah rendah banyak menggunakan kaedah kajian kuantitatif berbanding kaedah kualitatif, iaitu data yang diperolehi lebih mendalam dan semula jadi. Misalnya kajian Wan Amirah Wan Ismail *et al.*, (2016) berkaitan keberkesanan pengajaran KBAT dalam PdPc Pendidikan Islam di sekolah rendah, kajian kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan KBAT di sekolah rendah oleh Hasnah Ison & Jamaludin Badusah (2017) menggunakan kaedah

kuantitatif. Siti Zaleha Mohd Nor (2015), mencadangkan kajian lanjut menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual, pemerhatian langsung dan analisis dokumen bagi memperkukuhkan pelaksanaan penerapan konsep 5P dalam pengajaran bahasa Melayu. Kebanyakan kajian terdahulu berkaitan KBAT disekolah rendah mahupun sekolah menengah banyak menggunakan kaedah kuantitatif berbanding kualitatif. Justeru itu, bagi mengisi kelompongan kajian-kajian terdahulu, kajian strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu di SRAI dilakukan menggunakan kaedah kajian kualitatif agar dapatan kajian lebih mendalam dan sebenar.

Di peringkat sekolah rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan murid dapat menguasai, mengukuhkan dan mengaplikasikan kemahiran bahasa di semua peringkat pengajian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014; Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Tambahan pula, kajian lepas mendapati kemahiran bernilai tambah tidak diserap secara terperinci dan menunjukkan kurang memberangsangkan dalam PdPc guru bahasa Melayu (Sharifah Nor Puteh *et al.*, 2012). Sehubungan itu, penelitian terhadap pengajaran kemahiran bahasa dan proses penerapan KBAT sangat relevan dengan keperluan semasa pendidikan Malaysia kini di samping merealisasikan matlamat kerajaan.

Kajian-kajian lepas yang menyentuh penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran bahasa secara terperinci masih kurang dijalankan, kebanyakan kajian dijalankan secara ringkas dan terasing bagi keempat-empat kemahiran bahasa. Dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, guru lebih banyak mengajukan soalan tertumpu berbanding soalan bercapah dalam PdPc Bahasa Melayu (Zamri Mahamod & Nor Razah Lim, 2011). Ini menunjukkan penerapan KBAT dalam kemahiran mendengar dan bertutur masih kurang memberangsangkan dan memerlukan penerapan pelbagai strategi pengajaran KBAT.

Manakala, penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran membaca mendorong murid mengaitkan bahan yang dibaca dengan maklumat sedia ada bagi menyelesaikan masalah, memberi ulasan, membuat penilaian dan kesimpulan terhadap bahan bacaan tersebut. Penerapan KBAT dalam kemahiran membaca dapat melihat kecekapan seseorang membaca, memahami dan menaakul bahan bacaan yang dibaca (Yahya Othman & Dayang Raini Pakar, 2013). Oleh itu, kajian strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran membaca perlu dilakukan bagi membantu guru melaksanakan pengajaran kemahiran membaca dengan baik.

Penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis membantu murid menghasilkan penulisan dengan baik, iaitu membantu murid menyusun isi, huraian dan contoh karangan dengan kemas, teratur dan sistematik. Penerapan KBAT dalam kemahiran menulis membolehkan murid menyampaikan idea dalam bentuk perkataan, frasa dan ayat yang gramatis dan tersusun (Abdul Rasid Jamian *et al.*, 2016). Oleh itu, kajian strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis perlu dijalankan bagi melancarkan proses pengajaran guru.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, kajian strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran bahasa perlu dilakukan memandangkan masih kurang kajian ini dilakukan. Oleh hal demikian, pengkaji berpendapat satu kajian berkaitan strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis guru bahasa Melayu dilakukan bagi mengisi lompang kosong dalam pengajaran KBAT di SRAI menggunakan kaedah kajian kualitatif.

1.3 Objektif Kajian

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.3.1 Menghuraikan strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor.
- 1.3.1 Menghuraikan strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran membaca di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor.
- 1.3.2 Menghuraikan strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang membincangkan tentang strategi pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan.

- 1.4.1 Apakah strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor?
- 1.4.2 Apakah strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran membaca di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor?
- 1.4.3 Apakah strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan tertentu berdasarkan kepada objektif kajian bagi menjawab setiap persoalan yang digariskan dalam kajian. Kajian ini, terbatas kepada beberapa perkara, iaitu dari segi pemilihan skop kajian, responden kajian dan tempat kajian. Dalam kajian ini hanya strategi penerapan berdasarkan prinsip 5P sahaja digunakan bagi melihat pengaplikasian KBAT dalam PdPc bahasa Melayu. Kajian ini hanya melihat penerapan KBAT dalam empat kemahiran bahasa sahaja. Strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran bahasa terbatas kepada konsep KBAT ditentukan oleh teori Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) yang memfokuskan kepada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Kajian ini melibatkan enam orang guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor yang mempunyai kelulusan minimum bahasa Melayu pada peringkat SPM. Penggunaan sampel sekurang-kurangnya enam orang bagi sesuatu kajian kes sudah memadai untuk memberikan data kajian secukupnya (Marzni Mohamed Mokhtar, 2013; Maizura Yasin, 2015). Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dipilih kerana kajian KBAT sebelum ini banyak dilakukan di sekolah kebangsaan dan kurang dijalankan di SRAI. Misalnya, kajian berkaitan KBAT oleh Normah Zakaria *et al.*, (2018), Nurul *et al.*, (2017) dan Wan Amirah Wan Ismai *et al.*, (2016) dijalankan di sekolah kebangsaan. Sedangkan kajian di SRAI juga penting dilakukan memandangkan bilangan murid yang tidak kurang ramainya dengan murid di sekolah kebangsaan yang sama-sama menyumbang dalam melahirkan murid berjaya ke peringkat menengah. Semua perbincangan, data, rumusan dan rujukan hanya merujuk kepada strategi penerapan KBAT dalam kemahiran bahasa oleh enam orang responden kajian yang terlibat dan mewakili semua guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menginginkan setiap murid berupaya bersaing di peringkat global dan meningkatkan kualiti pendidikan negara setanding dengan antarabangsa. Guru merupakan pemangkin utama dalam menerapkan KBAT kepada murid di sekolah dan melalui proses PdPc berasaskan KBAT, negara dapat melahirkan generasi yang berilmu, berwawasan, berdaya saing, dan berketerampilan. Oleh itu, strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu sangat penting kerana dapat membantu menentukan kejayaan dalam pencapaian murid. Hal ini disokong oleh kajian Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah (2017), menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan murid bergantung kepada kaedah yang disampaikan oleh guru, iaitu menggunakan kaedah pengajaran KBAT yang mendorong murid berfikir dengan lebih mendalam dan luar daripada kotak mengikut keperluan abad ke-21.

Selain itu, kajian ini penting dijalankan kerana dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengharapkan negara berada dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa. Hasrat KPM ini dapat dikecapi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan baik terutamanya peranan guru dalam mempersiapkan diri dengan strategi penerapan pengajaran yang sesuai dengan keperluan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Guru bahasa Melayu boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dan dorongan dalam mempersiapkan diri menerapkan KBAT kepada murid melalui pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Di samping itu, kajian ini penting agar pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KBAT seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam menambah baik atau mengadakan kursus KBAT agar guru-guru lebih faham dan yakin menerapkan KBAT dalam PdPc mereka. Hal ini disokong dengan kajian Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin (2017), mendapati guru-guru masih menggunakan KBAR dalam PdPc kerana kurang didedahkan dengan kaedah pengajaran dan pedagogi menerapkan KBAT. Selain itu, kajian ini dapat membantu guru-guru untuk lebih kreatif dalam proses pengajaran.

1.7 Definisi Konseptual dan Operasional

1.7.1 Strategi Prinsip 5P

Strategi prinsip 5P merujuk kepada strategi pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu yang menekankan prinsip 5P, iaitu penggabungan, penerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan dalam proses PdPc kemahiran bahasa (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Penggabungan merujuk kepada proses PdPc yang menggabungkan beberapa kemahiran bahasa dalam aktiviti pengajaran dan menyebabkan murid dapat menguasai beberapa kemahiran bahasa secara serentak. Penerapan merujuk kepada proses PdPc yang menyerap kemahiran bernilai tambah ke dalam pengajaran kemahiran bahasa dan menyebabkan selain murid dapat menguasai kemahiran bahasa, murid turut dapat menguasai kemahiran lain dengan mengaitkannya dengan kemahiran bahasa. Penilaian merujuk kepada proses PdPc yang dijalankan dengan memberi penilaian terhadap proses pengajaran mencapai objektif pembelajaran, kelemahan PdPc dan tindakan susulan yang perlu dilakukan. Pemulihan merujuk kepada program yang diadakan bagi membantu murid yang belum menguasai kemahiran bahasa. Pengayaan merujuk kepada program yang diadakan bagi memantapkan minat, kemampuan dan bakat murid dalam menguasai kemahiran bahasa.

Dalam konteks kajian ini, strategi penerapan akan diaplikasikan dalam PdPc bahasa Melayu berasaskan KBAT, iaitu dengan mengaitkan proses PdPc kemahiran bahasa dengan kemahiran berfikir. Strategi penerapan yang dimaksudkan ialah strategi guru bahasa Melayu dalam menerapkan KBAT pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam PdPc kemahiran bahasa di sekolah rendah.

1.7.2 Strategi Penerapan

Strategi penerapan merujuk kepada penerapan unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Penerapan ini terdiri daripada pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata pelajaran lain, nilai murni, kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran lain yang membolehkan murid menguasai kemahiran lain di samping pengalaman belajar kemahiran bahasa (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Dalam konteks kajian ini, strategi penerapan yang dicerap berfokus kepada kemahiran berfikir, iaitu KBAT sebagai kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran bahasa Melayu. Oleh itu, fokus kajian ini menjurus kepada strategi penerapan elemen KBAT seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta ke dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis oleh guru bahasa Melayu di sekolah rendah.

1.7.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) membawa maksud kebolehan menggunakan pengetahuan, kemahiran, membuat penaaakulan, membuat tindakan bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berkebolehan mencipta sesuatu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). KBAT memerlukan seseorang berfikir terlebih dahulu sebelum membuat sebarang penerangan dengan menganalisis, menilai, mencetuskan idea, membuat sesuatu keputusan, menyelesaikan masalah dan membuat sesuatu perancangan (Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017). Dalam konteks kajian ini, KBAT merujuk kepada penerapan empat elemen KBAT, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta oleh guru bahasa Melayu ke dalam pengajaran kemahiran bahasa di sekolah rendah.

1.7.4 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) ialah pendekatan yang menggunakan pelbagai alat berfikir yang bertujuan untuk menggalakkan murid berfikir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). PdPc merujuk kepada peranan guru sebagai pemudah cara kepada murid ketika dalam proses pembelajaran (Buletin Anjakan, 2015). Berdasarkan kajian ini, PdPc merujuk kepada proses pengajaran kemahiran bahasa berasaskan KBAT, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dalam kajian ini, strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran bahasa guru bahasa Melayu akan diterokai berdasarkan empat aras pemikiran tinggi murid.

1.7.5 Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi

Guru Bahasa Melayu merujuk kepada guru yang mengajar kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan sistem bahasa dalam pengajaran. Guru adalah seseorang pendidik yang berupaya menilai kekuatan dan kelemahan, membina minda murid dan membentuk perwatakan murid dalam pelajaran Bahasa Melayu (Khairul Anuar A. Rahman, 2012). Dalam konteks kajian ini, guru Bahasa Melayu merujuk kepada guru yang mengajar subjek bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor yang mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang paling minimum pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Guru bahasa Melayu di SRAI merupakan guru bukan opsyen dan kurang didedahkan tentang cara pelaksanaan dan penerapan KBAT menerusi kursus –kursus khusus dalam pengajaran.

1.7.6 Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merujuk kepada proses mental berkaitan dengan kefahaman dan proses maklumat yang didengar oleh seseorang (Tuan Jah Tuan Yusof, 2014). Selain itu, kemahiran mendengar merujuk kepada kebolehan murid mendengar, memahami dan menghayati dengan teliti tentang apa yang didengar dalam apa jua keadaan pengucapan, serta dapat memberi tindak balas (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Dalam konteks kajian ini, kemahiran mendengar merujuk kepada strategi penerapan elemen KBAT pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur bagi mengetahui strategi penerapan KBAT yang sering diamalkan oleh guru dalam pengajaran kemahiran mendengar.

1.7.7 Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merujuk kepada kebolehan murid berkomunikasi dalam membentuk hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang sesuai secara berhemah dan bertatasusila (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Dalam konteks kajian ini, kemahiran bertutur merujuk kepada strategi penerapan elemen KBAT pada aras pemikiran tinggi guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur bagi mengetahui strategi penerapan KBAT yang sering diamalkan oleh guru dalam pengajaran kemahiran bertutur.

1.7.8 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada kemahiran seseorang untuk mendapatkan maklumat, pengetahuan dan fakta berkenaan sesuatu perkara serta merupakan satu proses lengkap yang membentuk komunikasi antara pembaca dan penulis melalui tulisan (Tuan Jah Tuan Yusof, 2014). Selain itu, kemahiran membaca merujuk

kebolehan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Kefahaman dan kebolehan menaakul pelbagai bahan bacaan secara kreatif menggunakan teknik-teknik membaca dengan betul merupakan aspek yang menonjolkan seseorang menguasai kemahiran membaca (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Dalam konteks kajian ini, kemahiran membaca merujuk kepada strategi penerapan elemen KBAT pada aras pemikiran tinggi guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran membaca bagi mengetahui strategi penerapan KBAT yang sering diamalkan oleh guru dalam pengajaran kemahiran membaca.

1.7.9 Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merujuk kepada kepantasan seseorang menulis sesuatu yang bermakna di samping memberi kejelasan tentang tulisan dan kandungan penulisannya kepada orang lain (Tuan Jah Tuan Yusof, 2014). Selain itu, kemahiran menulis merujuk kepada kebolehan murid menulis perkataan dan melontarkan idea dalam pelbagai jenis penulisan, penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca, ejaan dan tulisan yang jelas dan kemas menunjukkan seseorang menguasai kemahiran menulis (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Dalam konteks kajian ini, kemahiran menulis merujuk kepada strategi penerapan elemen KBAT pada aras pemikiran tinggi guru bahasa Melayu dalam proses PdPc kemahiran menulis bagi mengetahui strategi penerapan KBAT yang sering diamalkan oleh guru dalam pengajaran kemahiran mendengar.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan latar belakang strategi penerapan KBAT dan pernyataan masalah kajian ini, dapat dirumuskan fokus kajian ini ialah berkaitan strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru bahasa Melayu di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, pengkaji meneliti strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Segala maklumat yang dibincangkan dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada semua warga pendidik khususnya guru bahasa Melayu untuk meningkatkan kemahiran dan kesediaan menerapkan KBAT dalam proses pengajaran masing-masing di samping meningkatkan tahap pendidikan negara setanding negara lain.

RUJUKAN

- Ab. Halid Zakaria, & Jamaludin Badusah. (2014). Penerapan Kemahiran Bernilai Tambah dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Dalam Zamri Mahamod *et al.* (Pnyt.). *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*, 81–94. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rasid Jamiam, Shamsudin Othman, Azhar Mohd Sabil, & Juanes Masamin. (2016). Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Murid Bukan Melayu. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 1–8.
- Afinde Othman. (2016). *Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item KBAT dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Aini Yuzie Mohd Arshad. (2016). *Penambahbaikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Subjek Sains Tingkatan 2*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Avargil, S., Herscovitz, O., & Dori, Y. J. (2012). Teaching Thinking Skills in Context-Based Learning: Teachers' Challenges and Assessment Knowledge. *Journal of Science Education and Technology*, 21(2), 207–225. <https://doi.org/10.1007/s10956-011-9302-7> (Diakses pada 23 Mac 2018).
- Awangku Yusran Pengiran Yussuf. (2013). *Kemahiran Berfikir Menggunakan Kaedah Penyoalan dalam Pengajaran Fahaman (Pertama)*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004> (Diakses 24 Mei 2018).
- Bakry, Md. Nor Bakar, & Firdaus. (2013). Kemahiran Berpikir Aras Tinggi di Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah Pertama di Kota Makassar. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE) 2013*, 172–175.
- Bloom B.S. (1956). *Taxonomy of Education Objectives, Handbook 1: The Cognitive Domain*. New York: David Mckay Co Inc.
- Buletin Anjakan*. (2015). Buletin Anjakan Mac 2015: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pelaksanaan KBAT di Sekolah. Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia - PPPM 2013-2025, 1–4. Retrieved from http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Mac_2015.pdf (Diakses pada 23 Mac 2018).

- Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia*. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pelaksanaan KBAT di Sekolah. *Buletin Anjakan*, Bil 3/2015, 1–4. Retrieved from http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Mac_2015.pdf (Diakses 27 Mei 2018).
- Das, R.C. (2007). *Science Teaching In Schools*. New Delhi. Sterling Pubisher.
- David, C. @ L., & Abdul Said Ambotang. (2014). Profesionalisme Guru Novis dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Sekolah. Dalam Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, 1–15. <https://doi.org/10.1111/0161-4681.00141> (Diakses pada 23 Jun 2018).
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. (2016). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–50.
- Fadzil Jusoh. (2009). *Peranan Minda dalam Kemahiran Berfikir*. (T. Sulaiman & A. Hassan, Eds. Pertama. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat, & Abdul Razak Zakaria. (2013). Transformasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai kemahiran membuat hipotesis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Juku Juku*, Bil 1(3), 47–57.
- Faridah Nazir, & Tuan Jah Tuan Yusof. (2013). *Pengajian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. bhd.
- Hasnah Isonn, & Jamaludin Badusah. (2013). Pencapaian Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan calon Penilaian Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56–65. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004> (Diakses pada 20 Mei 2018).
- Hasnah Isonn, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Malay Language Teacher Competency to Implementation Higher Order Thinking Skill in Teaching and Learning). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 7(1), 2180–4842. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/10413/1/133-256-1-SM.pdf> (Diakses pada 19 April 2018).
- Ikhsan Othman. (2016). Implementation of Integrated Islamic Primary School (SRAI) from Administrators, Teachers, and Pupils Perspectives. *Journal of Islamic Education*, 21(1), 1–12.
- Ismail, W. A. W., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2016). Kesiapan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 3(1), 79–95.

- Jiani Jaman. (2015). *Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Keberkesanan dalam Mengatasi Masalah Buta Huruf*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Joyce, B., Weil, M., & Calhoun, E. (2011). *Model Of Teaching* (8th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Kamarul Azmi Jasmi, Yusnan, L. M., Azhar, M., Mustari, M. I., Ismail, M. F., & Ilias, M. F. (2012). Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], (January), 183–194. Retrieved from <http://eprints.utm.my/36412/1/Cover%26Paper.pdf> (Diakses pada 23 Mac 2018).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 1–56. Retrieved from www.moe.gov.my (Diakses pada 21 Mei 2018).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Elemen KBAT dalam Pedagogi. Bahagian Pembangunan Kurikulum. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2> (Diakses pada 4 April 2018).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Instrumen Standard Penarafan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.
- Khairul Anuar A.Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi. *Jurnal Akademika*, 82(2), 37-44.
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pentafsiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Retrieved from www.moe.gov.my/ip (Diakses pada 10 Oktober 2018).
- Maizura Yasin. (2015). *Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral dalam Kalangan Murid Melayu Tingkatan Empat di Putrajaya, Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Marlia Zakaria. (2017). Sekolah Agama Jais Jadi Rebutan. *Akhbar Sinar Harian*.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2013). *Amalan Penaksiran Guru dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Nurul Azmi, & Nurzatulshima Kamarudin. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesiediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1(1), 1–5.
- Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Adnan Mat Ali, Ahmad Ismail, & Mohd Kamal Radiman. (2017). Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor, 4(2), 202–214.

- Mohd Nasruddin Basar, & Siti Halimah Md Yassin. (2012). *Kemahiran Berfikir*. (Ikhwan Ahmad Naim, Ed. Pertama). Balakong: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pendidikan Islam dalam Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam 2016.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu dan Permasalahan (Pdp) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 1–18.
- Muniandy, V. (2015). Penerapan Strategi Pengutaraan Masalah untuk Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan*, 1-14.
- Nasyimah Ismail, & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan Kesiediaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 59–67.
- Nawi Ismail. (2014). Peranan Guru dalam Merealisisi Pelan Pembangunan Pendidikan. *Pelita Bahasa*, Bil 2, 12-14.
- Noor Haniza, & Effandi Zakaria. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Pengajaran Sains Sekolah Rendah. STED: *Seminar on Transdisciplinary Education*, 9–17. Retrieved from <https://sted2017.files.wordpress.com/2016/12/1-1-noor-haniza-abdul-halim-effandi-zakari.pdf> (Diakses pada 2 September 2018).
- Noor Rohana Mansor. (2010). *Aras Kognitif Soalan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nooriza Kassim, & Effandi Zakaria. (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru (Integration of Higher Order Thinking Skills in the Teaching and Learning of Mathematics: Teachers' Needs Analysis. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1), 1–12.
- Nor Hasmaliza Hasan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (The Perception of Malay Language Teachers at Secondary School Towards Higher Order Thinking Skills). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 6(2), 2180–4842.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Penyelidikan*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- Noriah Mohd. Ishak, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Mohd. Izham Mohd. Hamzah, & Siti Rahayah Ariffin. (2013). Kaedah Kajian Kualitatif. Dalam *Penyelidikan dalam Penyelidikan*, 345–370. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Normah Zakaria, Aziita Ali, Nur Izeanty Hamidon, & Suhaili Abd Rasap. (2018). *Aplikasi Peta Pemikiran I-Think dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi* (KBAT). Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 1–8.
- Nur Aida Muhammad. (2016). *Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi* (KBAT) *dan Strategi Penerapannya dalam Pengajaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen Pemikiran Kritis dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J), 1 (September), 92–101.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor & Nurzatulshima Kamarudin. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training* (INJET) 3(32), 1–7. Retrieved from <http://www.injet.upm.edu.my> (Diakses pada 27 April 2018).
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (kedua). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pranee Liamputtong. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. (Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad, Eds. Ketiga). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rajendran, N. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran. *SeminarProjek KBKK: Poster “Warisan-Pendidikan-Wawasan” Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum*, 1–13. Retrieved from <http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle: Pengajaran +Kemahiran+Befikir+Aras+Tinggi+:+Kesediaan+Guru+Mengendalikan+Proses+Pengajaran+Pembelajaran#0> (Diakses pada 23 April 2019).
- Raminah Sabran. (2014). Peringkat Penilaian Pembacaan Kritis dan Analitis. *Pelita Bahasa*, Bil. 10, 22-25.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasiruddin, & Rekkeman Kusut. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis: Satu Tinjauan Awal, 1(2), 88–97. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004> (Diakses 23 Mei 2018).

- Shamilati Che Seman, Wan Mazwati Wan Yusoff, & Rahimah Embong. (2017). Teachers Challenges in Teaching and Learning for Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School. *International Journal of Asian Social Science*, 7(7), 534–545. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2017.77.534.545> (Diakses pada 3 Mac 2018).
- Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali, S. N. I. (2016). Tahap Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (KPK) di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sederhana dan Rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 1 (October), 1–9. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.639> (Diakses pada 23 Jun 2018).
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, A. A. (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Bil 2(2), 19–31.
- Siti Zaleha Mohd Nor. (2015). *Pelaksanaan Konsep 5P (Penggabungan, Penyerapan, Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian) dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sivapakkiam Ramasamy. (2017). Kesediaan dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Cemerlang Sejarah. Tesis Kedoktoran. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suziana Sulaiman. (2012). Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru Serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Saintifik Bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tajularipin Sulaiman, Vickneswary Muniyan, Diwiyah Madhvan, Raidah Hasan, & Suzieleez Syrene Abdul Rahim. (2017). Implementation of Higher Order Thinking Skills in Teaching of Science: A Case Study in Malaysia. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1(1), 2550–2158. Retrieved from <http://www.masree.info/wp-content/uploads/2017/02/20170226-IRJES-VOL-1-ISSUE-1-ARTICLE-1.pdf> (Diakses pada 26 Mac 2018).
- Tamam Timbang. (2011). *Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kualitatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2014). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah* (kelima). Pusat Bandar Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- W.A Wan Ismail, Muhammad Hamzah, & M.A Lubis. (2016). Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Readiness of Islamic Education Teacher in Selangor' s Primary School in the Implementation of KBAT in Teaching and Learning) *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79–92.

- Wan Amirah Wan Ismail, Muhammad, W. I., Lubis, M. A., & Hamzah, M. I. (2016). Akademia Baru Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Readiness of Islamic Education Teacher in Selangor' s Primary School in the Implementation of KBAT in Teaching and Learning, 3(1), 79–92.
- Wan Nor Shairah Sharuji, & Norazah Mohd Nordin. (2017). Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Simposium Pendidikan*, 1(2017), 140–146.
- Yahya Othman. (2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Bahasa Melayu: Peranan Guru. Dalam *Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Kali Ketiga 2014*, 7–14. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman, & Dayang Raini Pakar. (2013). Keberkesanan Strategi Metakognisi dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 133–149.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian*. 1(1), 51–65. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/2540/> (Diakses pada 23 Mac 2018).